

08 JUL 1998  
Mahathir-MS  
TAMBAHAN RM600 JUTA UNTUK CYBERJAYA

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan RM600 juta untuk memajukan Cyberjaya, bandar raya pintar pertama di dunia.

Perdana Menteri berkata peruntukan itu membuktikan komitmen kerajaan untuk menjayakan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) walaupun dalam keadaan ekonomi meleset sekarang.

Cyberjaya adalah sebahagian daripada MSC, satu kawasan seluas 750 km persegi ke selatan ibu negara, yang akan menjadi tumpuan bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

"Kerajaan amat komited dalam membangunkan MSC dan semua wang yang kita mampu akan disalurkan ke projek ini dan ia akan dilaksanakan," kata Dr Mahathir selepas menutup satu persidangan mengenai MSC di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata MSC adalah satu projek penting kepada negara dan wajar dilaksanakan selepas mencapai taraf perindustrian.

"Kita akan laksanakan projek ini," kata Dr Mahathir.

Beliau juga menyeru syarikat kecil dan sederhana tempatan yang terlibat dalam IT untuk mengambil kesempatan daripada kos rendah untuk bertapak di MSC.

Bagaimanapun, katanya, syarikat asing juga akan diterima.

"Kita sentiasa membentangkan permaidani merah kepada mereka dan kita memangnya tuan rumah yang baik," kata beliau sambil menjelaskan bahawa terdapat minat mendalam terhadap MSC.

Dr Mahathir berkata keupayaan menggunakan teknologi bagi menghasilkan produk baru di kalangan syarikat Malaysia semakin nyata.

"Saya berharap mereka akan dapat mengeksport produk mereka untuk memperolehi tukaran asing," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana teknologi dan penggunaannya maju dengan pantas, rakyat Malaysia perlu melengkapkan diri mereka bagi menghadapi perkembangan itu.

Katanya sesiapa yang tidak dapat menguasai atau faham mengenai penggunaan teknologi akan ketinggalan, dan berdasarkan hakikat ini, kerajaan membuat keputusan untuk menyertai bidang multimedia secara besar-besaran.

Pada sesi soal jawab kemudian, Dr Mahathir berkata orang ramai perlu bersabar dalam mengendali teknologi baru bagi meraih hasilnya.

"Kawal kemarahan, jangan keliru dan bersabarlah," katanya.

Mengenai keadaan kelam kabut yang berlaku pada peringkat awal pembukaan Lapangan Terbang KL yang menggunakan teknologi terbaru, Dr Mahathir berkata : "KLIA adalah contoh terbaik bagaimana teknologi baru digunakan dalam bidang yang orang ramai biasa dengan benda-benda lama."

Dr Mahathir berkata bahawa dalam usahanya mendapatkan teknologi moden, Malaysia pasti akan melakukan kesilapan.

Bagaimanapun, menurut beliau, seseorang itu akan mempelajari sesuatu itu menerusi kesilapan.

"Di sepanjang jalan, kita akan menghadapi kesulitan, melakukan kesilapan, tetapi kita akan mencapai penyelesaian," katanya.

Dr Mahathir juga berharap penduduk luar bandar akan dapat memahami serta menikmati faedah daripada pembangunan MSC.

Beliau berkata penduduk luar bandar berminat untuk belajar dan cepat mempelajari perkara-perkara baru.

-- BERNAMA

MAM DVS MAI